



JABATAN CETAK KERAJAAN
Km. 4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci No. 2004
88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Tolong salinkan bil. kami dalam jawapan surat ini. *(Please quote this reference in any reply to this letter)*

Ruj. Tuan:
(Your Ref.)

Ruj. Kami: JCK: 100-4/1 Jld.22/(26)
(Our Ref.) 12 Disember 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah-daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PENYALURAN WARAN PERUNTUKAN KECIL KE JABATAN CETAK KERAJAAN MENGIKUT SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

Saya dengan hormatnya, merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan semua Kementerian, Jabatan dan agensi kerajaan negeri hendaklah mengemukakan Waran Peruntukan Kecil dengan berpandukan kepada penggunaan struktur Kod Akaun dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah seperti berikut:

- (a) 27000 - Bekalan Alat Tulis/Resit Hasil/Terbitan Kerajaan
- (b) 29000 - Perkhidmatan Percetakan termasuk permintaan secara cetakan
(*print on demand*)

3. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memberi perhatian dan membuat perancangan awal bagi pengagihan peruntukan mengikut keperluan Kementerian / Jabatan masing-masing.

4. Arahan ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2025** dan pekeliling jabatan Bil.JCK.400-0/31/(1) bertarikh 30 Mac 2021 adalah dibatalkan.


5. Kerjasama dan perhatian Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(LIEW CHERN WEI)

Pencetak Kerajaan Negeri

"SABAH MAJU JAYA"